



## SIARAN AKHBAR

### HARI HUTAN ANTARABANGSA 2022 JABATAN PERHUTANAN KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMAN DAN PELANCONGAN

---

**Isnin, 18 Syaaban 1443H bersamaan 21 Mac 2022**

Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan melalui Jabatan Perhutanan pada hari ini telah mengadakan acara penanaman pokok bersempena sambutan Hari Hutan Antarabangsa 2022 bertempat di kawasan Hutan Simpan Andulau, berdekatan Pusat Biodiversiti Hutan Tropika, Sungai Liang, Daerah Belait. Sebanyak 213 pokok yang terdiri daripada spesis tempatan, Ru runang (*Gymnostoma nobile*) telah pun ditanam. Sambutan Hari Hutan Antarabangsa ini merupakan sambutan tahunan pada masyarakat sejagat untuk meraikan dan meningkatkan kesedaran mengenai kepentingan hutan. Hadir selaku tetamu kehormat pada acara tersebut ialah Yang Mulia Noralinda binti Haji Ibrahim, Pengarah Perhutanan, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat Khairunnisa Ash'ari selaku tetamu istimewa wakil Green Brunei, Pegawai-Pegawai dan Kakitangan dari Jabatan Perhutanan perwakilan dari Sekretariat Perubahan Iklim Brunei Darussalam dan sukarelawan dari *Green Brunei*.

Tema Hari Hutan Antarabangsa pada tahun ini adalah **Hutan dan Penghasilan dan Penggunaan Mampan (Forests and Sustainable Production and Consumption)** menunjukkan bahawa berbagai produk dan perkhidmatan yang dapat dijana dan dihasilkan dari sumber hutan yang terdapat di negara kita dan kepentingannya untuk dimanfaatkan bagi apa juar tujuan keperluan manusia dengan memastikan pengambilannya perlulah secara terkawal atau tidak berlebih-lebihan untuk menjamin kestabilan hasil sumber hutan akan tetap dapat dinikmati oleh generasi Negara Brunei Darussalam yang akan datang

Acara penanaman pokok bersempena Hari Hutan Antarabangsa 2022 ini, menunjukkan tanggungjawab dan komitmen Jabatan Perhutanan dalam memastikan

pengurusan hutan yang lestari dan sekaligus meningkatkan kesedaran awam terhadap kepentingan hutan, bukan sahaja dari segi pemuliharaan tetapi juga dari segi faedah-faedah hutan yang dapat diraih dan sekaligus memastikan faedah-faedah tersebut akan dapat dimanfaatkan oleh generasi yang akan datang.

Acara penanaman ini juga merupakan inisiatif Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan sempena Hari Hutan Antarabangsa dan juga mendukung inisiatif Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan untuk mencapai sasaran Negara dalam melaksanakan Garispanduan Protokol Hijau, dalam usaha untuk mencapai sasaran Dasar Kebangsaan Perubahan Iklim Negara Brunei Darussalam.

Kementerian Sumber-Sumber Utama melalui Jabatan Perhutanan merupakan “lead agency” bagi strategi 2, iaitu ‘Liputan Hutan’ di bawah Dasar Perubahan Iklim Kebangsaan Negara Brunei Darussalam yang mana strategi ini bertujuan untuk meningkatkan penyerapan karbon (*Carbon Sink*) melalui penanaman semula hutan (*afforestation*) dan penghutanan semula (*reforestation*) dengan sasaran menanam sebanyak 500,000 pokok menjelang tahun 2035.

**Dikeluarkan oleh:**

**Jabatan Perhutanan**

**Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan**

**21 Mac 2022**